

Oleh Helmy Abd Rahman  
helmy\_rahman@  
hmetro.com.my

# UBATAN TRADISIONAL ADA MANFAAT

Lakukan penyelidikan, kajian saintifik untuk menjernihkan rasa sangsi

**Tersembur** air kopi hitam wartawan sebaik terbaca nukilan seorang penulis tersohor di portal ternama meremehkan perubatan tradisional Melayu yang menurutnya tidak saintifik dan mengarut.

Mungkin beliau ada alasan tersendiri atau, punya pengalaman pahit dengan perubatan tradisional sehingga menulis sedemikian rupa.

Sebenarnya sudah banyak bukti dan kajian yang menunjukkan keberkesanan dalam perubatan tradisional dan komplementari.

Contohnya sekitar 2016, wartawan menemuramah pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Bioproses Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Profesor Madya Dr Fadzilah Adibah Abd Majid yang meminta masyarakat termasuk pengamal perubatan bertauliah supaya tidak menolak ubatan tradisional.

Sebaliknya kata beliau, adalah lebih baik melakukan penyelidikan dan kajian saintifik untuk mengetahui keberkesanannya bagi menjernihkan rasa sangsi terhadap ubatan tradisional.

"Sebenarnya ramuan yang digunakan turun-temurun dalam ubatan tradisional Melayu mendatangkan manfaat, cuma si pembuatnya tiada tauliah dan



**PEMBENTANGAN** mengenai perubatan Melayu disampaikan seorang penceramah jemputan pada *Konvensyen Perubatan Tradisional dan Komplementari Melayu Nusantara* di Dectar, UKM.

hanya menghafal cara pembuatannya.

"Malah banyak jurnal perubatan mengakui khasiat pelbagai tumbuhan yang ada di negara ini

contohnya kunyit. Daripada menolak dan menganggap ubatan tradisional mengarut, lebih baik dijalankan kajian saintifik dan buat penyelidikan,"

jelasnya yang menemukan formula campuran jus daun betik dan kunyit untuk merawat demam denggi.

Bekas Pensyarah dan Pakar Diabetes Jabatan

Perubatan Masyarakat, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Profesor Dr Ab Aziz Al-Safi Ismail pula pernah membuat kajian terhadap kaedah bekam dalam merawat pelbagai penyakit.

Hasil kajian dilakukan pengasas bekam klinikal itu bersama beberapa rakan pada 2012 membuka lembaran baharu sekali gus membuka mata pengamal perubatan moden.

Penemuan itu menarik minat lebih 400 doktor mengikuti kursus anjuran pihaknya selain turut mempraktikkan rawatan bekam di klinik masing-masing.

Makanya, usaha Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganjurkan Konvensyen Perubatan Tradisional dan Komplementari Melayu Nusantara di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar), UKM baru-baru ini boleh disifatkan langkah terpuji.

Menurut Pengarah ATMA, Prof Dr Supyan Hussin, konvensyen itu bermatlamat untuk menghimpunkan

penyelidik, sarjana, pelajar dan peminat serta perawat, pengamal perubatan tradisional dan komplementari Melayu dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Brunei selain mendedahkan kepada masyarakat mengenai bidang etno-sains perubatan Melayu.

"Perubatan tradisional dan komplementari (PTK) adalah bidang yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dengan

adanya Akta PTK 775, perawat dan pengamal perubatan tradisional dan komplementari boleh menawarkan khidmat rawatan kepada pesakit yang secara sukarela mahu mendapatkannya.

"Ada lebih 30,000 perawat dan pengamal PTK di negara ini, baik yang bergerak secara individu atau atas nama syarikat dan NGO (badan bukan kerajaan).

"Atma berasa terpanggil untuk meneliti PTK di negara ini khususnya dan nusantara amnya melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan dan seminar untuk mendokumentasi korpus ilmu etno-sains perubatan alam Melayu yang sudah bertapak lama sebelum datangnya sains moden dan sains perubatan di nusantara.

"Dengan itu, konvensyen ini bertujuan menghimpunkan pengamal, perawat, doktor perubatan, psikiatris penyelidik dan sarjana bagi berinteraksi dalam beberapa aktiviti ilmiah dan separa ilmiah." ujarnya yang juga pengerusi bersama konvensyen berkenaan.